

02 JUN 1997

SEBANYAK 40 SYARIKAT MALAYSIA SERTAI PAMERAN ANTARABANGSA JEDDAH

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Sebanyak 40 syarikat Malaysia termasuk Proton akan mengambil bahagian dalam pameran barang buatan Malaysia yang akan di adakan di Pusat Pameran Antarabangsa Jeddah dari 8 hingga 13 Jun ini.

Menurut kenyataan akhbar Konsulat Jeneral Malaysia di Jeddah yang diterima oleh Bernama hari ini, pameran itu di adakan sebagai usaha untuk membawa masuk barang buatan Malaysia ke dalam pasaran Arab Saudi.

Pameran itu, yang dijangka akan dirasmikan oleh Gabenor Makkah, Amir Majed bin Abdul Aziz akan turut dihadiri oleh Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Samsuddin Marsop.

Konsul Jeneral Malaysia di Jeddah, Syed Hussein Al Habshee berkata, pameran itu diharapkan dapat memperkenalkan barang buatan Malaysia yang bermutu tinggi ke dalam pasaran Arab Saudi dan memberi saingan kuat kepada barangan buatan Amerika Syarikat dan Eropah yang banyak terdapat di sana.

Syed Hussein menaruh harapan cerah akan kemasukan barang buatan Malaysia secara besar-besaran di Arab Saudi kerana Malaysia disanjung tinggi oleh tokoh-tokoh dan ahli-ahli perniagaan negara itu, khasnya kekaguman mereka ke atas kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau turut berharap pameran itu dapat meningkatkan lagi eksport dagangan barangan Malaysia dengan Arab Saudi di masa akan datang kerana negara itu merupakan rakan dagangan utama Malaysia di Timur Tengah.

Jumlah dagangan antara kedua negara berjumlah AS\$599.9 juta pada sebelas bulan pertama tahun lepas dan import Malaysia dalam jangkamasa yang sama berjumlah AS\$309.2 juta.

Import utama Malaysia dari Arab Saudi ialah petroleum (55 peratus), plastik (11.2 peratus) dan bahan-bahan kimia (10.2 peratus).

Dalam tempoh yang sama, eksport Malaysia ke Arab Saudi berjumlah AS\$290.7 juta dan minyak sawit merupakan komoditi ekrport utama (29 peratus) diikuti dengan barangan pembuatan (16 peratus) dan alat telekomunikasi dan elektronik (7 peratus).

Syed Hussein berkata usaha MATRADE mengadakan pameran itu bertepatan masa kerana hubungan dua hala Malaysia-Arab Saudi kini amat baik lebih-lebih lagi selepas lawatan Dr Mahathir pada Disember lepas. Perdana Menteri juga menerima anugerah Malek Faeisal daripada kerajaan Arab Saudi.

-- BERNAMA

DAB SIA